

## “Rujuk dulu nak guna ruang udara kita”

---

PUTRAJAYA : Malaysia mahu berbincang dengan Singapura berhubung alternatif dan cadangan balas susulan penyiaran tatacara Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) Lapangan Terbang Seletar tanpa kebenaran Malaysia oleh republik itu. Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, Malaysia berpendirian tegas tidak membenarkan penggunaan tatacara ILS lapangan terbang itu yang akan melalui ruang udara Pasir Gudang, Johor. “Pendirian kita jelas. Sudah tentu pihak kita melalui Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) boleh duduk berbincang dengan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Singapore (CAAS) mengenai cadangan balas dan langkah menangani masalah itu.

“Kita ada alternatif dan cadangan balas mengenainya ,namun apa saja pendekatan yang diambil kearah atau melalui Pasir Gudang, kita tidak boleh bersetuju,” katanya. Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan Majlis Perundingan Penerbangan Nasional yang pertama di sini, semalam. Kelmarin, Loke berkata, Kementerian Luar akan menghantar nota bantahan kepada kerajaan Singapura susulan penyiaran tatacara ILS Lapangan Terbang Seletar tanpa Kebenaran pada 1 Disember lalu, yang akan berkuatkuasa sepenuhnya pada 3 Januari depan. Beliau berkata, ketetapan kerajaan itu sudah dimaklumkan kepada Singapura pada 28 dan 29 November lalu bagi menjamin kedaulatan ruang udara negara, sekali gus memastikan pembangunan sekitar Pasir Gudang tidak terganggu.

Berhubung kenyataan Menteri Pengangkutan Singapura, Khaw Boon Wan yang menyifatkan pengurusan ruang udara “tiada kena mengena dengan kedaulatan” selepas Malaysia menyatakan hasrat mahu menuntut semula hak mengendalikan ruang udara selatan Johor, Loke berkata, isu kedaulatan yang dibangkitkan beliau adalah berkaitan dengan penggunaan ILS melalui ruang udara Johor. “Kalau mahu menyiarkan ILS menggunakan ruang udara Malaysia, sudah tentu Malaysia perlu dirujuk. Kalau Malaysia tidak dirujuk, maka kedaulatan kita tercabar.

---

**SUMBER: HARIAN METRO | M/S: 36 | 6 DISEMBER 2018**